



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
BLOK PODIUM, LOT 4G1,
WISMA TANI, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN



Telefon: 03-8870 2200
Faks: 03-8888 6021
Email: pro@dvs.gov.my

Ruj. Kami : JPV.KAV.600-2/1/4 Jld. 3 (48)

Tarikh : 23 Julai 2021

Seperti Senarai Edaran

Tuan/Puan,

KELULUSAN KHAS PENGIMPORAN VAKSIN BAGI PENYAKIT KULIT BERKETUL (*LUMPY SKIN DISEASE*) UNTUK TEMPOH SETAHUN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat daripada Bahagian Kawalan Penyakit & Biosekuriti Veterinar [JPV/BKPBV (K) 600-1/2/16 (16)] bertarikh **13^{hb} Julai 2021** adalah berkaitan.

2. Sebagaimana dimaklumi, **penyakit Kulit Berketul (*Lumpy Skin Disease - LSD*) telah dikesan di negara ini pada awal tahun ini**. Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah memutuskan untuk **membenarkan pemvaksinan** sebagai salah satu kaedah pencegahan penularan penyakit ini. Sehubungan itu, pihak DVS telah **meluluskan tiga (3) jenis vaksin** untuk dibawa masuk ke dalam negara ini melalui **pengimport (*Marketing Authorization Holder - MAH*) yang telah dilantik** oleh pengeluar vaksin tersebut dan berdaftar dengan DVS.

3. Sebagai makluman tuan/puan, kelulusan khas ini adalah untuk tempoh setahun iaitu **Jun 2021 hingga Jun 2022**. Sehingga setakat ini, terdapat tiga (3) **MAH yang telah dilantik** untuk mengimport vaksin LSD. Senarai vaksin LSD yang telah diluluskan dan senarai pengimport vaksin tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN**. Mana-mana syarikat atau individu yang ingin membuat perolehan vaksin LSD tersebut bolehlah menghubungi mana-mana MAH yang disenaraikan tersebut.

4. Bagi memastikan maklumat ini dapat diterima semua penternak, pihak tuan/puan dikehendaki **menyebarkan maklumat ini** kepada semua staf di bawah seliaan tuan/puan dan seterusnya kepada penternak yang memerlukan vaksin LSD. Kerjasama dan perhatian tuan/puan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' DR. NORLIZAN BIN MOHD NOOR)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

s.k:

1. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar)
2. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan)
3. Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani,
No.28, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62624 Putrajaya, Malaysia.
4. Fail

Senarai Edaran

1. Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar
2. Bahagian Pembangunan Industri Ternakan
3. Bahagian Kesihatan Awam Veterinar
4. Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar
5. Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan
6. Bahagian Penyelidikan Veterinar
7. Bahagian Regulatori Veterinar
8. Bahagian Penguatkuasa Veterinar
9. Bahagian Pembangunan Modal Insan
10. Bahagian Khidmat Pengurusan
11. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis
12. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah
13. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang
14. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak
15. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor
16. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan
17. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka
18. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor
19. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang
20. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu
21. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan
22. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
23. Wilayah Persekutuan Labuan

Ruj. Kami : JPV.KAV.600-2/1/4 Jld. 3 (48)
 Tarikh : 23 Julai 2021

Senarai Vaksin LSD (*live attenuated virus, Neethling strain*) yang diberi KELULUSAN KHAS untuk diimport ke Malaysia:

1. LumpyVax® (MSD Animal Health South Africa)
2. Bovivax LSD-N Vaccine (M.C.I. Sante Animale)
3. LSD Vaccine (Onderstepoort Biological Products, OBP)

Senarai Pengimport (MAH) yang diberi Kelulusan untuk Mengimport dan Mengedar Vaksin LSD di Malaysia:

Bil.	Senarai MAH dan Alamat	Nama Vaksin	Tempoh Kelulusan
1.	Intervet (M) Sdn. Bhd. B-22-1 & B-22-2, The Ascent Paradigm, No. 1, Jalan SST/26A, Kelana Jaya, Selangor.	LumpyVax®	21 ^{hb} Jun 2021 hingga 20 ^{hb} Jun 2022
2.	KM Vet Pharm Sdn. Bhd. No. 1, Jalan Industri Batu Caves 1/1, Taman Perindustrian Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor.	Bovivax LSD-N Vaccine	25 ^{hb} Jun 2021 hingga 24 ^{hb} Jun 2022
3.	Global Veterinary Sdn. Bhd. No. 3, Jalan Equine 9A, Equine Park, Bandar Putra Permai, 43300 Seri Kembangan, Selangor.	Bovivax LSD-N Vaccine	21 ^{hb} Jun 2021 hingga 20 ^{hb} Jun 2022

Nota:

Sehingga surat ini dikeluarkan, hanya 2 vaksin LSD yang boleh diimport iaitu LumpyVax® dan Bovivax LSD-N Vaccine. Manakala LSD Vaccine (keluaran Onderstepoort Biological Products, OBP) masih belum boleh diimport kerana belum ada MAH yang dilantik pengeluar tersebut untuk membawa masuk vaksin tersebut ke Malaysia buat masa ini.